

28 NOV 1996

PELAN: EMPAT SEKTOR PENGANGKUTAN AKAN DIMAJUKAN SEBAGAI KELOMPOK INDUSTRI

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Empat sektor di bawah kumpulan pengangkutan -- automotif, motosikal, pengangkutan laut serta industri penerbangan dan aeroangkasa -- telah dikenalpasti untuk dimajukan menjadi kelompok industri di masa akan datang di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2).

Keempat-empat sektor ini berpotensi menjadi penyumbang utama kepada nilai ditambah, pekerjaan, peningkatan teknologi dan eksport, demikian menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam PIP2 (1996-2005) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Penekanan akan diberikan kepada pembangunan keupayaan tempatan, iaitu daripada penyelidikan dan pembangunan dan reka bentuk produk sehinggalah kepada pengeluaran dan pemasaran pada skala global."

PIP2 akan menangani isu-isu pembangunan yang penting bagi industri ini kerana pembangunannya merupakan asas bagi ekonomi bergerak maju dalam industri berat dan industri berkaitan kejuruteraan. Bagi sektor automotif, tumpuan akan diberikan untuk mengubahnya supaya menjadi suatu operasi pengilangan yang bersepadu, dengan menitikberatkan pengilangan kenderaan, alat komponen dan aksesori.

Pengembangan skala pengeluaran, peningkatan keupayaan teknologi, pembangunan sumber manusia, pembangunan alat komponen, keupayaan reka bentuk produk dan kejuruteraan serta teknologi proses pengeluaran merupakan isu-isu utama yang akan diberikan perhatian di bawah PIP2.

Untuk mengembangkan kepelbagaian dari segi rantai nilai ditambah, pengeluar-pengeluar kereta dan pekilang-pekilang komponen mestilah menceburi kegiatan penyelidikan dan pembangunan seperti mereka bentuk kereta tempatan, memperbaiki pengembangan produk komponen dan meningkatkan rangkaian pemasaran dan pengedaran dalam pasaran eksport.

Perkembangan sektor motosikal di masa akan datang, kata kementerian itu, akan memberi penekanan kepada pembangunan motosikal rekabentuk dan buatan tempatan bagi pasaran tempatan dan eksport, alat komponen buatan tempatan dan penyediaan kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembangunan bagi menjalankan ujian dan rekaan bentuk sambil menyediakan perkhidmatan perundingan dan latihan tenaga kerja dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Bagi sektor pengangkutan laut, kementerian membuat beberapa cadangan yang seharusnya dapat menyokong pembangunan industri ini di masa akan datang.

Ini termasuklah penubuhan pusat bagi pemungutan dan pelupusan sisa buangan, bekalan tenaga dan air yang tidak terganggu serta rangkaian telekomunikasi dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat antarabangsa atau serantau bagi kerja membaiki kapal dan pembinaan kapal pelancongan.

Kementerian ini juga merangka beberapa cadangan bagi pembangunan sektor penerbangan dan aeroangkasa yang masih lagi berada pada tahap awal pembangunan dan kegiatannya akan hanya ditumpukan kepada subsektor penerbangan. -- BERNAMA

DVS KY MA